

# Mardi, PKS wujud kerjasama bioteknologi

BH 4/10/08 MS 23

**M**ARDI yakin mengkomersialkan 50 hasil penyelidikan berasaskan bioteknologi secara usaha sama dengan syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Abdul Shukor Abdul Rahman, berkata setakat ini 15 teknologi sudah memasuki pasaran, merangkumi pelbagai perniagaan dengan 70 peratus daripadanya berkaitan makanan.

"Kami sudah membangunkan banyak hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang sedia dikomersialkan bila-bila masa, cuma menunggu kesediaan PKS untuk mengkomersialkan penemuan berkenaan.

"Sasaran kami untuk membangunkan 50 teknologi untuk manfaat PKS dan walaupun sasaran itu tinggi, kami yakin dapat mencapainya menjelang tempoh akhir RMK-9," katanya di Seri Kembangan, Selangor, baru-baru ini.

Usaha mengkomersialkan hasil R&D berkenaan dikendalikan Unit Pembangunan Perniagaan, Bahagian Pindahan dan Pengkomersialan, serta Bahagian Promosi dan Pengkomersialan Teknologi Mardi.

Abdul Shukor menambah, beberapa lagi usaha penyelidikan sedang dibangunkan bagi memberi manfaat kepada PKS tempatan.

Katanya, projek yang dibangunkan setakat ini mampu



**KAKITANGAN** makmal membuat penyelidikan di Pusat Penyelidikan Mardi.

menjana pendapatan antara RM1 juta hingga RM15 juta setahun.

Beliau berkata, sepanjang RMK-9, Mardi meningkatkan sasaran kadar pengkomersialan kepada 14 peratus berbanding 7.5 peratus yang dicapai dalam RMK-8.

"Ini mampu dilakukan dengan meningkatkan inisiatif kajian dan pertambahan kemudahan menerusi peruntukan yang dimilikinya sejak memulakan bidang R&D berkenaan pada 1999," katanya.

Menjelaskan mengenai hasil R&D yang sedia untuk dipromosi di pasaran, Abdul Shukor berkata Mardi baru membangunkan produk farmaseutikal berasaskan kelapa dara, dikenali sebagai

Demacom17.

Katanya, produk itu mengambil masa tiga tahun untuk dibangunkan dan kini sedia untuk memasuki pasaran.

"Kami sudah pun menerima pertanyaan daripada syarikat yang berminat. Satu lagi produk berpotensi untuk muncul di pasaran adalah produk mengesan sisa racun serangga dan pengesan pelalian sisa antibiotik dalam ternakan ayam-itik," katanya.

Selain itu, Abdul Shukor berkata pihaknya juga menghasilkan enzim yang berupaya menggandakan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) dan hasil kajian ini bermanfaat untuk proses diagnosis.